

Penyelesaian Gengsterisme Pelajar

Isu ini bertambah parah apabila sesetengah sekolah sanggup menipu dan menidakkan kehadiran aktiviti yang tidak sihat

Oleh DR. NOVANDRI HASAN BASRI

ISU gengsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah telah menimbulkan beberapa persoalan yang perlu dijawab dan diselesaikan dengan segera. Kenapakah berlakunya kepincangan pemikiran pelajar-pelajar ini? Tidak adakah suatu mekanisme yang wujud untuk menyalurkan rangsangan emosi negatif pelajar-pelajar ini agar dapat dikurangkan atau kepada sesuatu yang lebih berfaedah dan masuk akal? Apakah kerana kes-kes yang berlaku ini *isolated* dan hanya melibatkan segelintir pelajar, maka segala usaha yang dijalankan untuk membanterasnya masih lagi di dalam peringkat perancangan demi perancangan? Sampai bilakah berlakunya segala masalah disiplin pelajar-pelajar ini?

Buku *Developmental Psychology Childhood and Adolescence* (1996) telah memetik huraian Patterson (1982; Patterson et al 1989) yang menerangkan bahawa anak-anak yang bermasalah selalunya tinggal di dalam keluarga yang dianggapkan sebagai *breeding grounds* kepada tingkah laku antisosial dan *hostile*. Keluarga ini selalunya beratmosferakan *coercive home environment*, di mana anak-anak berinteraksi dengan ibu bapa dan sesama sendiri dengan menggunakan kekerasan ataupun dengan teknik-teknik antisosial yang lain.

Jadi persoalannya sekarang ialah, jika ibu bapa bertanggungjawab mencorakkan perangai dan tingkah laku anak-anak, kenapakah masalah disiplin pelajar-pelajar tertumpu di suasana dan persekitaran sekolah? Ini adalah kerana, jika diamati dengan teliti, subjek-subjek yang terlibat, masa *contact*, tindakan dan tindak balas subjek itu dirangsang oleh sesuatu atau situasi tertentu di sekolah itu. Peristiwa-peristiwa seperti gengsterisme sebenarnya mempunyai sumber provokasi (*provocation*) yang bermula atau tertumpu di masa sekolah itu dan bukannya di rumah pelajar-pelajar.

Feldman & Weinberger (1994) telah menerangkan bahawa penampilan sikap


negatif yang persisten oleh pelajar-pelajar hasil daripada keluarga yang bermasalah ini, akan menyebabkan beberapa respons negatif, tanpa disedari oleh masyarakat sekolah. Pelajar-pelajar ini akan ditempatkan di dalam kelompok pelajar-pelajar yang sama taraf akademiknya dan secara relatifnya juga bermasalah dan mempunyai sikap anti sosial. Pelajar-pelajar ini akan kerap dikritik dan tidak diambil berat oleh guru-guru.

Penolakan masyarakat sekolah tersebut akan menyebabkan skop pergaulan mereka terbatas kepada pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran dan bermasalah sama seperti mereka. Sesetengah daripada mereka membentuk geng-geng ataupun *deviant cliques*. Kumpulan ini akan menjerumuskan mereka kepada peningkatan sikap-sikap agresif, antisosial, tidak mementingkan pelajaran dan terjebak di dalam aktiviti-aktiviti yang berbau jenayah (Thomas Dishion & Associates, 1991). Kajian tersebut bertepatan dengan senario kita hari ini. Biasanya unsur-unsur negatif yang besar magnitudnya seperti gengsterisme melibatkan penyertaan lebih daripada satu pelajar.

Isu ini bertambah parah apabila sesetengah pihak sekolah lebih memikirkan imej sekolah hingga sanggup menipu dan menidakkan kehadiran aktiviti-aktiviti yang tidak sihat di sekolah masing-masing.

Patterson (1982; Patterson et. al 1989) mengatakan bahawa sikap anak-anak dan persekitaran keluarga yang destruktif ini tidak mungkin boleh dipulihkan jika mereka tidak mendapat bantuan daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab. Malah jika kepincangan ini berterusan sehingga ke peringkat dewasa, segala kaedah membetulkan sikap pelajar ketika itu terasa mustahil dilaksanakan kerana ia juga perlu membetulkan *mind sets* masyarakat sekeliling yang terlalu ramai dan bebas.

Perlu ditekankan juga, bahawa masa *contact* sosial pelajar-pelajar di dalam sekolah adalah yang kedua lamanya sele-



Pelajar yang kerap dikritik dan tidak diambil berat oleh guru, cenderung berkelakuan liar. Gambar hiasan

pas di rumah. Masa *contact* ini dan kajian-kajian di atas jelas menunjukkan betapa mustahaknya peranan sekolah. Peranan institusi sekolah ini adalah setaraf dengan peranan institusi kekeluargaan dalam membentuk mental dan rohani pelajar-pelajar. Malah atmosfera dalam sekolah akan menentukan kesudahan corak jiwa pelajar di peringkat remaja ini.

Disebabkan itulah segala usaha perlu disegerakan di masa pelajar-pelajar berada di institusi yang kecil dan terkawal ini iaitu di sekolah. Pendekatan sistem hukuman (*punishment*) sekarang, mesti diubah dan dianjakkan kepada memfokuskan usaha-usaha murni bagi mengisi kekosongan jiwa pelajar-pelajar malang ini. Kaedah hukuman atau *punishment* yang dipraktikkan selama ini seperti merotan, gantung sekolah dan lain-lain sebenarnya akan menghasilkan respons yang dikehendaki dengan cepat tetapi ia bersifat sementara dan kerap tidak berjaya menyelesaikan masalah



sebenarnya pelajar ini. Malangnya, walaupun kaedah ini sudah tidak sesuai lagi sekarang, ia terus menjadi pilihan utama. Ia adalah disebabkan oleh desakan sistem yang inginkan respons yang cepat dan juga oleh persepsi *fixed ideas* masyarakat sendiri.

Guru-guru pula perlu lebih tangkas mengesan perubahan sikap pelajar, mengenal pasti masalah, prihatin dan membantu menyelesaikan masalah pelajar mereka. Guru-guru perlu mengetengahkan sikap-sikap lain yang ada di dalam peribadi pelajar-pelajar ini. Pelajar-pelajar bermasalah ini pasti mempunyai sikap-sikap murni yang boleh diterima umum tetapi selama ini terpendam akibat dibayangi oleh sikap antisosial yang terlalu dominan di dalam personaliti mereka ataupun yang terbantut disebabkan persepsi negatif masyarakat ke atas mereka. Sikap-sikap murni ini perlu dikembangkan agar ia dapat menguasai kembali jiwa mereka.

Guru-guru perlu dilatih dari sudut psikologi untuk dapat memahami selok-belok, gerak-geri, tabiat dan *body language* pelajar-pelajarnya agar lebih proaktif serta dapat menangani sesuatu kemungkinan yang tidak sihat.

Saya percaya yang kita tidak dapat menyalahkan satu pihak sahaja di dalam hal ini tetapi saya pasti kesalahannya adalah terletak di bahu semua orang dewasa yang selama ini leka, tidak prihatin dan sensitif. Orang dewasa bersalah kerana gagal memanipulasikan sistem keluarga, pelajaran, sekolah dan masyarakat untuk kebaikan pelajar-pelajar ini. Akibatnya, pelajar-pelajar ini yang terpaksa menanggung kekecewaan dan kesengsaraan sendirian, semata-mata angkara kesilapan orang dewasa itu sendiri!

Bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pelajaran kita kerana keproaktifan dan tindakan awal beliau dan kementeriannya untuk menangani isu gengsterisme ini. Diharapkan beliau dapat menangani isu ini hinggalah ke akar umbi. □

■ Ekoran prosiding jenayah kematian pelajar di asrama

Bapa Farid Saman Sekolah


Oleh SALLEH BUANG

SEPERTI yang telah kita jangkakan sejak awal lagi, bahawa kes kematian Muhamad Farid Ibrahim, seorang pelajar Tingkatan Empat yang dikatakan diserang sekumpulan pelajar di asrama Sekolah Menengah Agama (SMA) Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan, Negeri Sembilan, pada 28 Mac 2004 lalu akan berakhir dengan prosiding undang-undang di mahkamah, kini telah pun menjadi kenyataan.

Akhbar tempatan minggu lalu melaporkan bapa mangsa, Ibrahim Maadah, telah pun memfailkan satu saman (tuntutan sivil bagi mendapatkan ganti rugi) terhadap warden asrama (selaku defendan pertama), pihak pentadbiran sekolah serta Kerajaan Persekutuan (sebagai defendan kedua dan ketiga, berasaskan liabiliti vikarius mereka sebagai majikan defendan pertama).

Ibrahim Maadah dipetik oleh wartawan sebuah akhbar tempatan sebagai berkata bahawa dia memutuskan untuk membuat tuntutan undang-undang itu agar perkara yang sama yang menimpa anaknya tidak berlaku lagi. Apa yang menarik warga undang-undang di negara ini ialah bahawa Ibrahim telah melantik peguam DAP yang terkenal pengalaman luasnya dalam kes-kes sensasi, Karpal Singh, untuk mewakili keluarganya.

Setakat ini, kita belum dimaklumkan lagi perkara-perkara terperinci mengenai pernyataan tuntutan plaintif terhadap ketiga-tiga defendan. Pun begitu, di peringkat awal begini, kita sudah boleh meramalkan (atau mengandaikan) bahawa tuntutan plaintif terhadap defendan akan diasaskan kepada undang-undang tort, khususnya undang-undang kecuaiian. Sebagaimana biasa dalam kes-kes sivil seperti yang difailkan oleh bapa Farid ini, beban pembuktian adalah terletak padanya untuk membuktikan kesnya. Ia perlu mengemukakan bukti sehingga mahkamah puas hati atasimbangan kebarangkalian bahawa; (a) defendan ada memikul kewajipan berhati-hati (*duty of care*) terhadap si mati (selaku pelajar sekolah yang tinggal di asrama); (b) defendan telah gagal atau cuai melaksanakan tanggungjawab tersebut; (c) kegagalan atau kecuaiian defendan itu



Muhamad Farid Ibrahim

telah mendatangkan akibat buruk (mudarats) kepada plaintif; mudarat yang menimpa plaintif itu merupakan satu kesan atau natijah yang boleh diramalkan oleh defendan akan menimpa si mati disebabkan kecuaiannya atau kegagalannya; dan tidak ada apa-apa prinsip undang-undang atau polisi awam yang menyatakan bahawa defendan terpelihara daripada liabilitinya terhadap plaintif.

Dalam kes Kerajaan Malaysia lwn. Jumaat Mahmud & Orang Lain (1977) 2 MLJ 103, seorang pelajar 11 tahun dicerderakan oleh seorang pelajar lain dalam kelasnya. Menghuraikan beban yang ditanggung oleh pihak pentadbiran sekolah terhadap pelajar, Hakim Raja Azlan Shah (pada masa itu) menyatakan pihak pentadbiran sekolah bukan dikehendaki menjamin bahawa kecederaan atau mudarat tidak akan berlaku pada setiap pelajar atau murid di sekolah itu. Apa yang pihak sekolah perlu lakukan, apa yang menjadi tanggungjawabnya, ialah mengambil langkah berjaga-berjaga yang munasabah bagi memastikan keselamatan pelajar (*It is not a duty of insurance against harm but only a duty to take reasonable care for the safety of the pupil*).

Walaupun kes ini suatu kes lama, dan walaupun fakta kesnya tidak serupa dengan fakta kes Farid, prinsip undang-undang yang digariskan oleh mahkamah tetap sama, masih relevan dan wajar diberi perhatian dan renungan bersama. □